



SIARAN MEDIA

ASEAN REAL ESTATE CONFERENCE (AREC) 2025 MENEROKAI PENYELESAIAN ISU PERUMAHAN

KUALA LUMPUR, 17 APRIL 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyemarakkan sambutan Kepengerusian ASEAN 2025 menerusi keterlibatan dalam **Tonggak Komuniti Sosio Budaya ASEAN (ASEAN Socio Cultural Community – ASCC)**. Di bawah tonggak ini terdapat lima (5) program yang dikendalikan oleh KPKT iaitu :

- i. ASEAN Real Estate Conference (AREC);
- ii. ASEAN Sustainable Urbanisation Forum (ASUF);
- iii. ASEAN Governors and Mayors Forum (AGMF)
- iv. Meeting of Governors and Mayors Forum of ASEAN Capitals (MGMAC); and
- v. 8TH ASEAN Smart Cities Network Annual Meeting (ASCN 8)

ASEAN Real Estate Conference (AREC) 2025 bakal berlangsung pada **23 hingga 26 Julai 2025** di **Kuala Lumpur Convention Centre (KL Convex)**, Kuala Lumpur. Buat julung kalinya KPKT menganjurkan AREC dan ia diadakan serentak dengan *The 24th International Architecture, Interior Design & Building Exhibition (ARCHIDEX) 2025* yang dibawakan melalui kolaborasi strategik bersama C.I.S Network Sdn. Bhd. dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Sehubungan itu, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah melancarkan Majlis Preview bagi *ASEAN Real Estate Conference (AREC) 2025* dan *The 24th International Architecture, Interior Design & Building Exhibition (ARCHIDEX)* bertempat di Hotel Crowne Plaza, Kuala Lumpur City Centre petang ini.

Bertemakan “*The Real Estate Renaissance: Innovate, Integrate, Impact*”, AREC 2025 bertujuan untuk menerokai penyelesaian kepada isu dalam sektor perumahan dihadapi serantau melalui integrasi urbanisasi dan pembinaan mampan (*sustainable construction and urbanisation*), penyediaan infrastruktur berdaya tahan (*resilient infrastructure*) dan ketersediaan ruang yang berdaya huni dan bersaling hubung (*connected liveable spaces*).

Penganjuran AREC 2025 ini bertujuan menyediakan platform untuk merungkai dan mengupas ketidaktentuan ekonomi susulan ‘perang tarif’ yang sedang dialami di seluruh dunia khususnya dalam sektor harta tanah. Pengisian AREC 2025 ini akan melibatkan tiga (3) segmen utama:

- (i) AREC : *Forum*, 23 hingga 24 Julai 2025;
- (ii) AREC : *Business Matching*, 24 Julai 2025; dan
- (iii) AREC : *Exhibition*, 23 hingga 26 Julai 2025

Ketiga-tiga segmen ini diharapkan dapat mewujudkan pendekatan yang lebih holistik dan komprehensif dalam merancakkan pertumbuhan dan pembangunan sektor harta tanah di ASEAN melalui kolaborasi strategik negara-negara ASEAN. Melalui AREC 2025, Kerajaan berhasrat untuk menyediakan platform kepada pemain industri bagi mengetengahkan inovasi harta tanah terbaharu dan terkini, menggalakkan pertukaran teknologi, pengalaman dan amalan baik (*best practices*), menyemarakkan kolaborasi di kalangan pemain industri dan turut menyediakan peluang pelaburan kepada semua pihak terlibat.

Maklumat lanjut berhubung pengisian AREC 2025 boleh diakses melalui laman sesawang <https://www.kpkt.gov.my>. Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh dikemukakan kepada Sekretariat AREC 2025 melalui e-mel arec.2025@kpkt.gov.my.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

